



"Tampin Indah Bersih Selamat"

PEJABAT MAJLIS DAERAH TAMPIN,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.

Tel: 06-4411601/609 Faks: 06-4413001

E-mel: mdu@mdu.gov.my

Laman Sesawang: <http://www.mdu.gov.my>

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia (Keutaman diberikan kepada anak-anak kelahiran Negeri Sembilan) yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut :

A. JAWATAN

BIL	NAMA JAWATAN	GRED JAWATAN	TARAF JAWATAN	KEKOSONGAN	JADUAL GAJI	
					MINIMUM	MAKSIMUM
1.	Jurutera	J41	<i>Contract Of Service</i>	1	RM2,529.00	RM9,643.00
2.	Penolong Pegawai Penilaian	W29	Tetap	1	RM1,498.00	RM5,678.00
3.	Penolong Jurutera	JA29	<i>Contract Of Service</i>	1	RM1,549.00	RM5,701.00
4.	Pembantu Penguatkuasa	KP19	Tetap/ <i>Contract Of Service</i>	2	RM1,360.00	RM4,052.00

- *Jadual gaji di atas tidak termasuk Imöuhan Fefap Khidmat Awam (ITçA), Imbuhan tetap Perumahan (ITP) dan Bantuan Sara Hidup (BSH).*

B. SYARAT LANTIKAN

1. Jawatan dan Gred JURUTERA GRED J41

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang 18 tahun hingga 40 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

(Gaji permulaan ialah pada Gred J41 : RM2,529.00)
2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
3. Berpengalaman sekurang-kurangnya dua (2) tahun dalam bidang kejuruteraan.

Nota :-

Mengetuai Jabatan Kejuruteraan dan Bangunan, Majlis Daerah Tampin

2. Jawatan dan Gred PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN GRED W29

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :
 - (a) warganegara Malaysia
 - (b) berumur tidak kurang 18 tahun hingga 40 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) (i) Sijil Pengurusan Harta Tanah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W29 : RM1,510.92); atau

 - (ii) Sijil Penilaian Harta Tanah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W29 : RM1,510.92); atau

- (iii) Diploma dalam bidang pengurusan harta tanah atau pengurusan harta benda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W29 : RM1,851.28); dan

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Penilaian adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Penilaian Gred W29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan;
 - (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(b), (c); atau
 - (ii) Lulus Peperiksaan Khas
4. **Berpengalaman sekurang-kurangnya dua (2) tahun dalam bidang pengurusan dan penilaian harta tanah.**

Mengetuai Jabatan Penilaian, Majlis Daerah Tampin

3. Jawatan dan Gred PENOLONG JURUTERA GRED JA29

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) **berumur tidak kurang 18 tahun hingga 35 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;** dan
 - (c) (i) sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29 : RM1,549.00); atau
 - (ii) diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29 : RM1,935.02)
2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran

Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Jawatan dan Gred **PEMBANTU PENGUATKUASA GRED KP19**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- (a) warganegara Malaysia
- (b) berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19 : RM1,360.00); atau

- (ii) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19 : RM1,360.00); atau

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19 : RM1,416.40); atau

- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19 : RM1,472.80).

dan (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut :

- (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
- (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
- (iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
- (iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);

- (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - (vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pegamal perubatan yang berdaftar.
2. Calon bagi lantikan dengan kelayakan 1(c)(i), 1(c)(iii) atau 1(c)(iv) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Nota :-

Bagi pemohon yang telah menduduki ujian kecergasan yang telah dibuat oleh Majlis Daerah Tampin pada tahun 2022 dan berstatus 'Lulus' dikecualikan dari menduduki ujian kecergasan bagi jawatan yang sama.

C. CARA-CARA MEMOHON

1. Borang permohonan boleh dimuat turun di laman web rasmi Majlis Daerah Tampin di www.mdtampin.gov.my
2. Borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan disertakan salinan maklumat-maklumat yang **DIAKUI SAH** oleh Pegawai Kerajaan daripada **Kumpulan Pengurusan** dan **Profesional (Gred 41 dan ke atas)** seperti berikut
 - i) Gambar warna berukuran passport;
 - ii) My Kad/ Kad Pengenalan;
 - iii) Sijil Kelahiran;
 - iv) Sijil Berhenti Sekolah;
 - v) Sijil-sijil Persekolahan/ Akademik;
 - vi) Sijil-sijil yang berkaitan dengan bidangh.
3. Permohonan daripada pegawai-pegawai yang berkhidmat dengan Kerajaan/ Badan Berkanun/ Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing dan menyertakan bersama-sama dengan Kenyataan **Perkhidmatan** yang dikemaskini dan Laporan Prestasi Tahun 2022 (perlu diakui sah oleh Ketua **Jabatan di setiap helaian**).
4. Nama jawatan hendaklah ditulis di bahagian atas sebelah kiri sampul surat dan borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar ke alamat seperti di bawah :

Yang Dipertua
Pejabat Majlis Daerah Tampin
73000 Tampin
Negeri Sembilan Darul Khusus
(u.p. : Bahagian Pentadbiran dan Perkhidmatan)

D. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 15 MEI 2023